

04 MAR 2001

Mahathir-Tamadun (Bergambar)

PERSEKITARAN MENARIK LAMBANG TAMADUN BANGSA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 4 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kebolehan membentuk persekitaran yang menarik adalah lambang tamadun sesuatu bangsa.

Perdana Menteri berkata kegagalan sesuatu bangsa memperlihatkan tahap persekitaran yang baik bukan sahaja mencerminkan tamadun yang rendah, tetapi juga pembangunan dan kejayaan yang rendah.

"Lebih buruk lagi ialah mereka yang bertamadun rendah ini tidakpun berasa malu dengan budaya rendah mereka dan tidak dapat membuat penilaian akan perbezaan antara mereka dengan bangsa yang bertamadun tinggi," kata beliau ketika berucap melancarkan sambutan Hari Lanskap Negara di Dataran Putra di sini.

Dr Mahathir berkata bangsa yang tahu malu mengambil berat akan kelakuan dan prestasi yang ditunjukkan manakala bagi orang yang tinggi budayanya tetap akan malu dengan kegagalan atau kelemahan dalam apa-apa bidang.

Beliau berkata pembangunan negara sudah sampai ke tahap yang memerlukan rakyat mengubah dengan bukan sahaja perlu mengindahkan kawasan sekeliling tetapi hendaklah setaraf dengan kemajuan yang telah dicapai.

Beliau berkata sejak merdeka, rakyat negara ini semakin gigih dalam menjaga kebersihan persekitaran mereka.

Atas kesedaran ini, sejak awal lagi, kerajaan telah memberi perhatian kepada lanskap dan pengindahan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru di sini, katanya.

Dr Mahathir juga hairan kenapa pemaju perlu meratakan kawasan pembangunan rumah yang mengakibatkan kehilangan bukit kecil, lembah dan juga alur-alur yang kecil membawa air semasa hujan.

Berkenaan rumah tidak berhalaman, pengindahan masih boleh dibuat dengan menanam pokok bunga yang sesuai di luar tingkap, katanya.

"Arkitek Malaysia belum tahu bagaimana menyediakan "Window Flower Boxes" untuk rumah-rumah bertingkat ini...sebaliknya jurutera yang merekabentuk jalan bertingkat lebih cekap mengadakan "Planter Boxes" di bahagian luar sisi jalan-jalan.

"Saya yakin arkitek Malaysia akan belajar bagaimana untuk membolehkan penghuni rumah bertingkat mengindahkan bangunan mereka dengan tanaman pokok-pokok bunga," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting, isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Presiden Perbadanan Putrajaya Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Sambutan Hari Lanskap setiap tahun meliputi semua peringkat jabatan, sekolah, institusi pengajian tinggi, syarikat swasta dengan mengadakan aktiviti menanam pokok, pameran lanskap, dialog industri lanskap dan sebagainya.

Hari Lanskap Negara tahun ini bertemakan "Cintailah Lanskap Kita" bertujuan mengingatkan semua rakyat Malaysia menghargai lanskap dan alam semulajadi yang indah dan cantik bagi merealisasikan wawasan menjadikan "Malaysia Negara Taman" menjelang 2005.

-- BERNAMA

SHS AT ES PR